

23/12/1997

Pegawai perlu lebih tegas kawal harga

Shamsul Azree Samshir

KUALA LUMPUR, Isnin - Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna lebih serius mengendalikan gerakan penguatkuasaan bagi memastikan peniaga tidak memandang remeh soal harga barangan.

Kementerian juga disaran mengendalikan gerakan bersama dengan beberapa agensi lain seperti pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) jika mengalami masalah kekurangan pegawai penguatkuasaan.

Timbalan Presidennya, Abdul Rahman Said Alli, berkata pegawai penguatkuasa kementerian perlu lebih tegas dan serius ketika mengendalikan gerakan serta berhadapan dengan isu kenaikan harga.

"Senarai barangan kawalan tidak akan menjadi erti sekiranya sikap pegawai serta gerakan penguatkuasaan yang dikendalikan tidak efektif atau mampu menyedarkan peniaga," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan senarai barangan kawalan dan barangan yang harganya ditetapkan oleh kerajaan ditambah sebagai langkah menangani isu kenaikan harga barangan di seluruh negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob ketika mengumumkan arahan itu berkata, langkah menambah senarai barangan kawalan serta produk yang harganya ditetapkan kerajaan perlu dibuat kerana rakyat kesal dengan sikap peniaga menaikkan harga barangan sesuka hati.

Setakat ini, kementerian menyenaraikan 20 barangan termasuk gula, tepung dan susu pekat manis sebagai barangan kawalan, manakala senarai barangan harga yang ditetapkan oleh kerajaan merangkumi 12 bahan termasuk ayam, minyak masak dan simen.

Selain itu, kementerian memperkenalkan senarai 25 barangan keperluan musim perayaan bagi mengelak kenaikan harga.

Abdul Rahman berkata, Fomca menyambut baik cadangan kerajaan menambah senarai barangan kawalan tetapi usaha itu perlu diikuti dengan gerakan penguatkuasaan yang benar-benar memberi kesan kepada peniaga ingkar.

Menurutnya, kerajaan disaran memasukkan barangan mentah seperti sayur-sayuran dan ikan ke dalam senarai barangan kawalan kerana ia dianggap bahan asas yang digunakan setiap hari.

Sementara itu, Majlis Belia Negeri Kedah (MBNK) meminta kerajaan mengkaji kelemahan dalam gerakan penguatkuasaan barangan kawalan termasuk yang membabitkan sub-kategori barangan yang tersenarai.

Setiausaha Kehormatannya, Norizan Sharif, berkata hanya dua gred beras iaitu standard dan premium sahaja dikawal harganya daripada tiga gred beras yang dipasarkan.

"Manakala harga beras gred super atau kandungan beras hancur 15 peratus dibebaskan kepada pemborong dan peruncit untuk menentukan harganya," katanya.

Beliau berkata, tinjauan MBNK juga mendapati beras gred super yang tidak dikawal harganya oleh kerajaan mudah didapati berbanding beras gred premium dan standard.

Sambil menyokong arahan Perdana Menteri, MBNK juga meminta kerajaan memasukkan semua 25 jenis barang makanan yang dikategorikan dalam barangan keperluan perayaan ke dalam senarai barangan kawalan.

Senarai baru itu boleh disiarkan melalui media massa termasuk di halaman web bagi memudahkan pengguna menelitinya, katanya.

(END)